



TEKS UCAPAN
YAB DATUK AMAR HJ FADILLAH BIN HJ YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)
DI PERASMIAN
PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI DI KAMPUNG
ORANG ASLI BERASAU, KLUANG, JOHOR
SABTU, 18 APRIL 2026

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

(SALUTASI)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna ini bagi menyempurnakan **Projek di Kampung Angkat Madani Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air di Kampung Orang Asli Berasau, Kluang.**

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor serta semua jabatan dan agensi terlibat di atas kerjasama dan komitmen dalam penganjuran Majlis ini.

Seperti yang kita sedia maklum, Inisiatif Kampung Angkat MADANI diperkenalkan semasa Belanjawan 2024 sebagai penanda aras terbaik bagi akses masyarakat luar bandar terhadap kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air, jalan serta kemudahan capaian internet menerusi pendekatan "*Whole of Government*".

Idea di sebalik Kampung Angkat MADANI ini bukanlah sekadar bantuan "sekali beri" atau *one-off*. Ia merupakan satu manifestasi daripada ilham Kerajaan untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dengan objektif yang jelas iaitu meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur kampung serta memastikan tiada siapa yang tertinggal daripada arus pembangunan negara.

Pada tahun 2024, sebanyak 43 kampung telah menerima manfaat daripada inisiatif ini dan jumlah ini terus meningkat kepada 219 kampung pada tahun 2025. Kerajaan seterusnya mensasarkan sebanyak 500 Kampung Angkat MADANI pada

tahun 2026 berikutan impak positif yang diterima oleh masyarakat luar bandar.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek pembangunan infrastruktur dan sosial di Kampung Orang Asli Berasau, Kluang, Johor. Hasil lawatan dan perbincangan dengan wakil kampung serta pihak-pihak berkuasa tempatan, PETRA telah mengenalpasti keperluan utama penduduk Kampung Orang Asli Berasau iaitu:

- **Bekalan elektrik 24 jam yang cekap dan stabil; dan**
- **Satu balai raya berbumbung solar tertutup untuk kegunaan dan kemudahan penduduk Kampung Orang Asli Berasau dan Kampung-kampung disekitar bagi aktiviti komuniti, program sosial serta acara rasmi setempat**

Ia melibatkan peruntukan berjumlah **RM2.5 juta** meliputi kos pembinaan bangunan dengan kemudahan asas dalam balai, penyediaan kemudahan elektrik melalui sistem solar serta program kemasyarakatan.

Mungkin ramai yang tertanya kenapa tiada bekalan elektrik secara grid disediakan. Ini kerana proses penyediaan

kemudahan elektrik melalui talian grid didapati akan memakan masa yang lama memandangkan pembinaan grid elektrik yang perlu melalui kawasan hutan simpan dan tanah persendirian.

Justeru itu, hasil perbincangan PETRA dengan semua pihak berkepentingan, terhasil lah projek pembinaan balai raya yang berkonsepkan *integrated photovoltaic system*. Saya difahamkan bahawa ini adalah kali pertama projek seumpamanya dilaksanakan di Kampung Orang Asli yang lokasinya jauh dari jalan utama.

Kapasiti pemasangan sistem solar PV yang disediakan adalah lebih 50 kilowatt puncak dengan kapasiti sistem penstoran tenaga melalui bateri sebanyak 516 kilowatt jam yang mampu membekalkan elektrik berterusan selama 24 jam kepada lebih 20 buah rumah dan balai raya. Ini membawa manfaat kepada seluruh penghuni kampung yang selama ini tidak mendapat bekalan elektrik untuk kehidupan seharian dan hanya bergantung kepada bekalan elektrik berkala melalui generator.

Kita mahu melihat Kampung Orang Asli Berasau menjadi contoh atau "role model" kepada kampung-kampung Orang Asli lain dalam aspek ketersediaan kemudahan asas demi kesejahteraan penduduk. Dengan adanya ruang komuniti ini juga, penduduk kampung Berasau dan kampung persekitaran boleh

memanfaatkannya untuk aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti-aktiviti lain yang saya percaya mampu meningkatkan kualiti hidup komuniti di sini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jabatan, agensi dan pihak yang telah bekerja keras melaksanakan projek ini.

Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan majlis penyempurnaan Projek di Kampung Angkat Madani Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air di Kampung Orang Asli Berasau, Kluang, Johor.

Semoga usaha murni ini diberkati Allah SWT dan membawa limpahan rahmat kepada kita semua.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.